

HARI : SABTU  
TARIKH : 8/6/2019  
M/SURAT : 8A

**Melaka**

## Kerosakan luar jangka pada nozel

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka mengesahkan berlaku kerosakan luar jangka pada nozel di tapak pam sebuah stesen minyak di Taman Merdeka, Batu Berendam di sini.

Pengaruhnya, Jaiya Abu berkata, kerosakan pada nozel berkenaan disahkan selepas pegawainya melakukan pemeriksaan, semalam.

Beliau berkata, pemeriksaan itu susulan video mengenai masalah pam di stesen minyak berkenaan yang tular di media sosial.

Jelasnya, hasil pemeriksaan mendapati pemilik stesen minyak mengakui nozel pada tapak pam nombor 8 dalam kejadian jam 9 pagi, Rabu lalu itu, mengalami kerosakan.

## Kerosakan luar jangka pada nozel

Pam minyak keluar angin [METROTV]

MyMetro · Mutakhir

f Share t Share g+ Share



Nurul Fatiyah Zakinan  
fatiyah@bh.com.my

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, mengesahkan berlaku kerosakan luar jangka pada nozel di tapak pam di stesen minyak Taman Merdeka, Batu Berendam, melaka yang tular di media sosial sebelum ini.

Pengaruhnya, Jaiya Abu berkata, empat pegawainya menyiasat kesahihan video tular mengenai pam di stesen minyak terbabit hari ini, dan mendapat pemiliknya mengakui nozel di tapak pam bernombor 8, pada kejadian jam 9 pagi, Rabu lalu itu, mengalami kerosakan.

"Bagaimanapun, kerosakan itu dikategorikan luar jangka yang berlaku pada mana-mana stesen sebelum ini dan tindakan awal dibuat pemilik stesen untuk membaik pulih nozel dan meter, kira-kira dua jam kemudian hari yang sama.

"Pemeriksaan pada pam juga mendapati had selisih masih dalam lingkungan had dibenarkan," katanya, ketika dihubungi NSTP, hari ini.

Jaiya berkata, pam bernombor 9 bagaimanapun turut mengalami kerosakan, jam 2 pagi tadi namun sudah dibaiki pada tengah hari tadi.

Beliau dimaklumkan, kebiasaan pemilik stesen akan membayar ganti rugi namun pekerja yang bertugas ketika kejadian itu adalah seorang autisme yang tidak dapat membuat keputusan sewajarnya.

"Jadi, setakat ini, tiada kesalahan dilakukan pemilik stesen minyak dan kerosakan teknikal luar jangka itu sudah diatasi," katanya.

Beliau turut menyarankan pemilik stesen memaklumkan segera kepada pihaknya jika berlaku kerosakan di masa akan datang.

NSTP semalam melaporkan, seorang pemandu yang mahu mengisi minyak diesel di stesen minyak di Melaka mendakwa ada pam hanya mengeluarkan angin.

Rakaman video berdurasi 27 saat dimuat naik pemilik akaun Facebook Vince Leng, sejak kelmarin mendakwa pam minyak terbabit tidak mengeluarkan minyak biarpun nozel diangkat dan sudah menarik picu nozel terbabit.

**Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 7 Jun 2019 @ 5:27 PM**

